

Anwar ke Indonesia hadir Sidang Kemuncak ASEAN

Labuan Bajo: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 di bandar Manggarai Barat, kepulauan Flores di provinsi Nusa Tenggara Timur bermula hari ini, yang terbahagi kepada sesi pleno dan sesi pemukiman.

Menteri Luar, Datuk Seri Zambry Abd Kadir, berkata perdana menteri turut mempengerusikan Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur-Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) dan Sidang Kemuncak Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

“Kedua-dua sidang kemuncak ini akan mengukuhkan lagi kerjasama yang menasaskan peningkatan aktiviti rentas sempadan dalam usaha meningkatkan lagi nilai perdagangan dan pelaburan di wilayah itu katanya dalam satu kenyataan.

Perdana Menteri dijangka turut menghadiri sesi pertemuan dengan wakil Belia ASEAN, Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (ASEAN Inter-Parliamentary Assembly - AIPA), Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN Business Advisory Council - ABAC) dan Pasukan Petugas Peringkat Tinggi Menge-

nai Visi Komuniti ASEAN Pasca-2025 (High-Level Task Force on ASEAN Community's Post-2025 Vision - HLTF-ACV).

Zambry berkata, sidang kemuncak kali ini merupakan platform yang baik bagi semua negara anggota ASEAN untuk membincangkan hala tuju ASEAN dan usaha-usaha pembangunan Komuniti ASEAN, yang merangkumi Visi Komuniti ASEAN Pasca-2025 serta Pelan-Pelan Tindakan untuk ketiga-tiga tonggak Komuniti ASEAN, iaitu politik-keselamatan, ekonomi dan sosiobudaya.

Beliau yang tiba di sini semalam akan turut menghadiri tiga mesyuarat persediaan pada Selasa iaitu Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN, Mesyuarat Majlis Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN Ke-26 dan Mesyuarat Majlis Penyelidikan ASEAN Ke-33.

Menteri-Menteri Luar Negeri serantau bakal membincangkan pelbagai isu, selain mempertimbangkan dan mengesahkan pelbagai draf laporan serta dokumen yang akan dikemukakan untuk keputusan pemimpin ASEAN di Sidang Kemuncak ke 41.

BERNAMA